



ISMAIL Sabri Yaakob (dua dari kanan) bersama pemimpin ASEAN dan Joe Biden pada Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS di Washington. - PEJABAT PERDANA MENTERI

ASEAN tegas dalam isu antarabangsa - PM

Oleh AHMAD FADHLULLAH ADNAN
utusannnews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pemimpin ASEAN kekal tegas dalam beberapa isu antarabangsa semasa pertemuan mereka dengan Presiden Amerika Syarikat (AS), Joe Biden pada Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS di Washington, semalam.

Memetik laporan *Bernama*, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

berkata, pemimpin ASEAN juga menunjukkan pendirian bersama ketika membincangkan isu Russia-Ukraine dan Laut China Selatan.

Perdana Menteri berkata, ASEAN mahu krisis itu diselesaikan melalui meja rundingan.

“Perang tidak menguntungkan sesiapa. Malah banyak pihak yang rugi kerana kesan perang itu,” katanya selepas menghadiri sesi akhir sidang kemuncak khas dua hari itu bersama Biden dan

pemimpin ASEAN.

Beliau berkata, Malaysia berpendapat AS harus menggunakan pengaruhnya untuk membantu menyelesaikan krisis Russia-Ukraine.

Selain Ismail Sabri, pemimpin ASEAN yang hadir ialah Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Presiden Indonesia, Joko Widodo; Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong; Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen dan Perdana Menteri Thailand, Prayut

Chan-o-Cha.

Pemimpin lain, Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh serta Perdana Menteri Laos, Dr. Phankham Viphavanh.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS merupakan titik permulaan untuk ekonomi serantau yang lebih inklusif dan mapan.

Perdana Menteri berkata, negara-negara ASEAN melihat kerjasama dengan AS sebagai landasan strategik.